KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	18/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN SABAH			

Ceroboh hutan simpan cari emas

Oleh SURAIDAH ROSLAN
utusannews@mediamulia.com.my

LAHAD DATU: Kumpulan pelombong mampu memperoleh kira-kira empat kilogram emas setiap kali aktiviti melombong secara haram.

Begitulah lumayannya hasil yang diperoleh pelombong yang menceroboh masuk ke kawasan Sungai Bole di Hutan Simpan Ulu Segama Malua.

Timbalan Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah, Asisten Komisioner Toipi Lamat berkata, kegiatan perlombongan emas itu dipercayai sudah berlanjutan sejak tahun 90-an lagi.

Ia hasil daripada penemuan ratusan lubang dan terowong sepanjang Sungai Bole menerusi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dilaksanakan secara bersama oleh PGA Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah (JPS), Jabatan Hidupan Liar (JHL) dan Tabung Hidupan Liar (WWF) baru-baru ini.

"Melalui operasi yang dijalankan pada 14 Ogos lalu, pasukan kita berjaya menemukan 103 lubang dan terowong yang aktif dipercayai baru dikorek dan jumlah ini tidak termasuk lubang yang wujud di sepanjang lapan kilometer di sungai berkenaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Toipi berkata, setakat ini tiada tangkapan yang dibuat kerana pelombong haram sudah meninggalkan kawasan tersebut lebih awal sebelum pasukan operasi melakukan serbuan.

Walau bagaimanapun, menerusi operasi susulan pada 8 Oktober lalu menemukan senjata api buatan sendiri atau bakakuk dan peluru hidup yang disimpan agak jauh daripada pondok yang dipercayai digunakan oleh pelombong haram.

Pemeriksaan di beberapa lubang juga menemukan barang makanan, peralatan dapur, barangan peribadi serta peralatan melombong.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya turut memusnahkan 14 pondok yang dijadikan tempat penempatan sementara yang dipercayai didirikan oleh pelombong haram.

Jelas beliau, penemuan barangan wanita di kawasan pondok itu memberi gambaran aktiviti perlombongan haram itu turut disertai oleh kumpulan wanita.

Katanya, pasukan Tiger Platun dengan kerjasama Jabatan Perhutanan akan cuba mengesan individu terlibat dengan melakukan pemantauan lebih kerap di kawasan Hutan Simpan Ulu Segama Malua bagi menghentikan kegiatan perlombongan haram berkenaan.



TEROWONG dipercayai hasil perlombongan haram di kawasan Sungai Bole di Hutan Simpan Ulu Segama Malua, Lahad Datu, Sabah. - IHSAN PGA